

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 OGOS 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 12

Ekonomi MADANI perbetul agenda negara, elak ulang kegagalan lalu

Ekonomi MADANI perbetul agenda negara, elak ulang kegagalan lalu

• Ekonomi kita terperangkap dalam kitaran ekonomi berbahaya, seperti dinyatakan dalam dokumen Ekonomi MADANI sebagai 'kos tinggi, gaji rendah, keuntungan rendah dan kurang nilai daya saing'.

• Jika kita mahu keluar daripada kitaran ekonomi berbahaya, ekonomi perlu distruktur semula supaya Malaysia dapat menjadi peneraju ekonomi Asia dan limpahan dirasai semua rakyat



Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin
bhrenanca@bh.com.my

Pensyarah Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia

Pelancaran Ekonomi MADANI:
Memperkasa Rakyat, sebagai kerangka ekonomi baharu negara adalah sesuai sangat tepat pada masanya. Hakikatnya, Malaysia perlu bergerak ke hadapan ke arah destinasi jelas, bukannya mundur, terutamanya jika dibandingkan dengan negara lain di rantau ini.

Cita-cita untuk mencapai Wawasan 2020 dibangayang kegagalan. Pokok pangkal kegagalan ini adalah kita membuat perencanaan untuk mencapainya, walhal tidak mewujud. Wawasan 2020 ini, adalah ibarat matang. Akhirnya, kita 'pancit' sebelum sampai ke tujuan perencanaan.

Hasrat untuk transformasi ekonomi Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi melalui Model Baharu Ekonomi (MBE) pula terhenti di tengah jalur. Usaha membangun Malaysia berada pada tempat 20 teratas dunia malah Transformasi Nasional 2050 (TN50) tidak sempat dilancarkan.

Penggalan kepada satu lagi wawasan baharu, iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 pula dilahir seperti mengembalikan kita kepada dasar pernah dilancarkan pada era 1970-an dahulu, iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB) masih menumpukan kepada dikotomi kaum dalam makna pembangunannya.

Kemudian, pandemik COVID-19 pula melanda dunia. Impak pandemik ini, terutama dari segi ekonomi rakyat masih terasa hingga hari ini dan kita masih lagi juah daripada pulih sepenuhnya pada tahap sebelum pandemik.

Namun, sebelum pandemik lagi, kita sudah menempuh cabaran getir ledakan revolusi teknologi dan juga krisis iklim global. Apatah lagi dalam konteks ekonomi kita, parut ekonomi akibat Krisis Kewangan Asia 1997/98 masih wujud dalam struktur ekonomi Malaysia, seperti kebergantungan kepada hasil minyak tinggi dalam jumlah keseluruhan hasil negara, sistem perkuatuan tidak cekap, penggunaan instrumen subsidi secara puak serta kebergantungan kepada buruh asing berkemahiran rendah.

Keserjangan agihan pendapatan juga semakin melebar, begitu juga pembangunan tidak selmbang, yang hanya tertumpu di kawasan Lembah Klang.

Penumpuan kepada pengangkutan swasta daripada pengangkutan awam efisien juga menjadi masalah kepada pembangunan ekonomi lestari hingga hari ini. Kegairahan kita untuk menjadi negara perindustrian pada dekad 1980-an, mengakibatkan kita mengabaikan sektor pertanian. Natiujannya, masalah keterjaminan makanan kita alami hari ini.

Kita juga begitu gopoh mendapatkan pelaburan langsung asing pada dekad 1980-an itu yang akhirnya, mengakibatkan pelaburan tidak mempunyai nilai tambah tinggi serta tahap gaji rendah.

Kemuncak kepada semua inilah, ditambah impak pandemik COVID-19, mengakibatkan eko-

nomi kita terperangkap dalam kitaran ekonomi berbahaya, iaitu seperti apa dinyatakan dalam dokumen Ekonomi MADANI sebagai 'kos tinggi, gaji rendah, keuntungan rendah dan kurang nilai daya saing'.

Ini tidak dikira lagi isu menyakinkan skandal kewangan berskala besar, seperti skandal BMF dan IMDB, apakah lagi budaya all bala dalam sektor ekonomi negara.

Menyelegarkan untuk negara
Agak janggal apabila WKB 2030 menyasarkan Malaysia kembali menjadi negara 'Harimau Asia'. Hakikatnya, Malaysia tidak pernah pun dikategorikan sebagai negara 'Harimau Asia'.

Dalam laporan kajian dasar Bank Dunia diterbitkan pada 1993, hanya empat negara sahaja dipanggil 'Harimau Asia', iaitu Hong Kong, Korea Selatan, Singapura dan Taiwan. WKB 2030 juga tidak mempunyai dasar ekonomi tuntas dan berbentuk pengubah keadaan.

Ini dapat diihat apabila antara sasaran utama menyiasati pertumbuhan Keharusan Dalam Negara Kebangsaan (KDN) 2020 4.7 peratus setahun, iaitu daripada 2021 hingga 2030.

Indikator sosial ingin dicapai juga berbentuk tempatan, bahwasannya berbentuk global. Maknanya, kita hanya mengukur diri kita dengan diri kita pada masa lepas, bukannya mengukur diri kita dengan rakan kita atau orang lain di sekelling kita.

Jadi, apabila Ekonomi MADANI diperkenalkan, ia sesuatu begitu menyegarkan untuk negara. Selepas sekian lama, inilah masanya untuk kita kembali bergerak ke hadapan, dengan destinasi sudah ditetapkan dan memetakan bagaimana serta berapa lama ia akan dicapai.

Diagnosis dan prognosis dilakukan cukup jelas. Jika kita mahu keluar daripada kitaran ekonomi berbahaya, ekonomi perlu distruktur semula supaya Malaysia dapat menjadi peneraju ekonomi Asia lantas limpahan hasilnya terus dapat dirasai semua rakyat tanpa mengira latar belakang kaum, agama atau kawasan geografi.

Ini dilakukan dengan meningkatkan kedua-dua tahap, iaitu pertama, tahap siling yang berkait dengan isu makroekonomi, manakala kedua, tahap lanjut berkait isu ekonomi rakyat. Tujuh pendara aras digariskan untuk dicapai dalam 10 tahun, seperti menjadi 30 ekonomi terbesar di dunia, berada di tangga ke-12 teratas Indeks Daya Saring Global dan Indeks Pembangunan Manusia (berada dalam tangga ke-25 teratas dunia)

Ekonomi MADANI berbentuk holistik
Dengan erti kata lain, wadah pembangunan Ekonomi MADANI berbentuk holistik dan pelbagai dimensi - manusia, alam sekitar, ekonomi, material, teknologi, kesihatan, fizikal, mental, pemikiran, budaya, pendidikan dan rohaniah, sejarah enam nilai utama diketengahkan dalam konsep Malaysia MADANI.

Strategi dan inisiatif untuk kita mencapai visi Ekonomi MADANI ini juga dibincangkan. Namun, seperti ditekankan dalam dokumen Ekonomi MADANI ini, ia perlu dibaca bersama dengan dokument lain juga seperti Pelan Hala Tuju Persefahaman Tenaga Nasional (NETR), Pelan Industri dan Inovasi Baharu 2030 (NIIM 2030) dan Kajian Strategik Penganggaran Negara Malaysia Ke-12 (RMK12), selain perkiraan dobelan dan tarikh khusus lain juga seperti Belanjawan 2024.

Oleh itu, adalah penting untuk naratif Ekonomi MADANI bersifat interaktif, bawahan atas dan dinamik. Dalam 10 tahun mendatang ini, visi Ekonomi MADANI ini perlu responsif terhadap cabaran ekonomi semasa dan masalah ekonomi rakyat.

Dengan kata lain, kerajaan perlu banyak mendengar maklum balas daripada rakyat, pemikir ekonomi, perilaku dan pemegang taruh lain supaya perjalanan ke arah Malaysia lebih baik tidak pulih tersangka di tengah jalur.

Visi, naratif, hala tuju dan kerangka ekonomi baharu sudah dilancarkan. Bagi menjayakannya, kestabilan politik serta pembabitan semua pihak adalah penting. Seperti kita pelajari daripada sejarah, pelaksanaan dan komunikasi adalah segala-galanya.

